



MAJLISIFTAR PERDANA ERATKAN
UKHUWAH ANAK KELANTAN DI SABAH

ISSN 1311-6891 | RAMADAN 1446H | 16-20 MAC 2025

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

PERKEMBANGAN TEKNOLOGI AI
BANTU BANTERAS GEJALA RASUAH
- EXCO PENERANGAN

KEPIMPINAN CEKAP, BERINTEGRITI
ASAS KESEJAHTERAAN
RAKYAT - MB KELANTAN

150 ASNAT TERIMA SUMBANGAN
YAYASAN TM DALAM PROGRAM
CAHAYA RAMADAN

PERKUKUH HUBUNGAN DENGAN AL-QURAN, AMALKAN SEBAGAI PEDOMAN HIDUP - MB KELANTAN

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 17 Mac – Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud, menggesa umat Islam untuk memperkuuh hubungan dengan al-Quran dengan memahami, menghayati, dan mengamalkan ajarannya dalam kehidupan sehari-hari.

Beliau berkata, Ramadan bukan sekadar bulan berpuasa, tetapi turut memperingati penurunan al-Quran sebagai mukjizat yang kekal hingga akhir zaman.

Katanya, umat Islam perlu menjadikan kitab suci ini sebagai sumber utama petunjuk dan pedoman hidup.

“Sepanjang Ramadan, kita melihat pelbagai cara umat Islam berinteraksi dengan al-Quran. Ada yang mengkhatamkannya berkali-kali, bertadarus dan mendalami tafsirnya, serta tersentuh dengan bacaan imam-imam tarawih. Namun, masih ada yang bersikap acuh tak acuh terhadap al-Quran,” jelasnya dalam perutusan sempena peristiwa Nuzul Al-Quran, hari ini.

Menurutnya lagi, ibadah puasa



dan al-Quran saling berkait dalam pembentukan ketakwaan individu.

Oleh itu, Ramadan harus menjadi ruang muhasabah untuk menilai sejauh mana seseorang telah mendekatkan diri dengan al-Quran.

Beliau turut menekankan kepentingan menjadikan al-Quran sebagai asas pembentukan individu dan masyarakat yang bertakwa, selain menjadi sumber rujukan dalam

setiap keputusan bagi menjamin kesejahteraan rakyat dan keadilan sosial.

“Sambutan Nuzul Al-Quran ini wajar menjadi titik tolak untuk kita menilai sejauh mana kitab suci ini memberi kesan dalam kehidupan kita.

“Bacalah dengan khusyuk, fahami maksudnya dengan merujuk tafsir muktabar, dan amalkan ajarannya dengan bersungguh-sungguh,” ujarnya.

“

Sepanjang Ramadan, kita melihat pelbagai cara umat Islam berinteraksi dengan al-Quran. Ada yang mengkhatamkannya berkali-kali, bertadarus dan mendalami tafsirnya, serta tersentuh dengan bacaan imam-imam tarawih. Namun, masih ada yang bersikap acuh tak acuh terhadap al-Quran

Dalam konteks pentadbiran negeri, kerajaan Kelantan terus berpegang kepada dasar Membangun Bersama Islam menerusi pelan strategi Penghayatan Membangun Bersama Islam, yang berpaksikan al-Quran dan al-Sunnah.

Sehubungan itu, beliau mengajak seluruh rakyat untuk kembali kepada al-Quran sebagai sumber hidayah dalam setiap aspek kehidupan, demi membina masyarakat yang harmoni dan bertamadun.



PERKEMBANGAN TEKNOLOGI AI BANTU BANTERAS GEJALA RASUAH – EXCO PENERANGAN



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 20 Mac

– Perkembangan pesat teknologi kecerdasan buatan (AI) membuka dimensi baharu dalam usaha membanteras jenayah rasuah yang semakin kompleks, kata Exco

Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta, YB Mohd Asri Mat Daud.

Menurutnya, meskipun jenayah rasuah alaf baharu, termasuk jenayah siber, penipuan mata wang kripto, dan penyalahgunaan keuangan semakin sukar dikesan, teknologi AI menawarkan penyelesaian lebih efektif dalam menangani ancaman ini.

“Teknologi AI berperanan penting dalam menganalisis data berskala besar serta memanfaatkan teknologi blockchain untuk mengesan corak penipuan dan

ketidakaturan kewangan. Dalam konteks pentadbiran, sistem e-pentadbiran berdasarkan AI mampu memperkuuh usaha membendung rasuah melalui pemantauan serta pengesahan transaksi mencurigakan,” katanya menerusi ruangan “Tawasau” (Saling Berpesan) di media sosialnya pada Rabu.

Beliau menegaskan bahawa selain teknologi, aspek keinsanan dan keimanan yang kukuh merupakan benteng utama dalam mencegah penyelewengan, termasuk rasuah.

“Walaupun teknologi juga me-

mainkan peranan dalam usaha mencegah pelbagai penyelewengan seperti rasuah, aspek keinsanan dan keimanan yang kuat merupakan pendinding yang sebenar untuk mencegah pelbagai jenayah termasuk rasuah. Aspek keinsanan dan keimanan boleh meningkatkan integriti dan akauntabiliti dalam sektor awam dan swasta.

“Selain itu, pendidikan yang berterusan tentang bahaya jenayah rasuah serta penyelewengan perlu konsisten dan dipupuk sejak dari awal kanak-kanak lagi,” tambahnya.

ISLAM PANDANG TINGGI PERANAN WANITA DALAM PEMBANGUNAN MASYARAKAT-DATIN PANGLIMA PERANG DATIN WAN NOR HANITA WAN YAACOB

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 18 Mac – Islam mengangkat tinggi martabat wanita serta mengiktiraf peranan mereka dalam pembangunan masyarakat, kata Datin Panglima Perang Datin Wan Nor Hanita Wan Yaacob.

Menurutnya, wanita bukan sekadar memainkan peranan sebagai ibu, isteri atau anak, tetapi juga agen perubahan yang berupaya membentuk generasi cemerlang.

“Kita semua maklum, di sebalik kehebatan dan ketokohan seseorang lelaki, pasti ada seorang ibu yang mengasuh serta mendidiknya, selain isteri yang menjadi tulang belakang serta sumber kekuatan.

“Inilah bukti betapa pentingnya peranan wanita dalam melahirkan dan membentuk pejuang yang bangkit membela agama Allah SWT,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Program Forum Perdana Wanita sempena Madinah Ramadan 1446H/2025M di Dewan Madinah Ramadan, Dataran Warisan, Stadium Sultan Muhammad IV, pada Isnin.

Forum berkenaan menampilkan dua ahli panel selebriti, Asmak Husin dan Heliza Helmi, yang mengupas tajuk “Wanita Damakan Syurga”, dengan Pengarah Undang-Undang MPKB-BRI Wan Norihan Wan Hussein sebagai



moderator.

Datin Wan Nor Hanita turut menegaskan bahawa Islam meletakkan wanita pada kedudukan yang mulia, penuh penghormatan serta keagungan.

“Tokoh-tokoh seperti Sayyidatina Khadijah, Sayyidatina Aisyah dan Fatimah az-Zahra radhiyallahu anhunna menjadi bukti bahawa wanita memiliki tempat istimewa dalam Islam,” jelasnya.

Sementara itu, Pengerusi PUS-

PANITA MPKB-BRI Asrina Muhammad dalam ucapan alu-aluan-nya berkata, pengajuran forum tersebut memberi peluang kepada wanita untuk memperkasa ilmu, khususnya berkaitan nilai-nilai Islam sebagai panduan kehidupan.

“Banyak perkara dibincangkan dalam program ini, termasuk keistimewaan wanita dalam Islam, tanggungjawab mereka dalam keluarga serta bagaimana menjadi wanita yang dimuliakan Allah.

“Hal ini membuka ruang bagi mereka meningkatkan kefahaman dan pengetahuan,” ujarnya.

Turut hadir, Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Rohani Ibrahim, Puan Sri Datuk Bentara Setia Datin Tuan Sabariah Tuan Ishak, Datuk Bentara Kanan Datuk Zabedah Abdul Hamid dan Pengarah Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-KEKWA) Ilvira Mohd Dasuki.

MAJLIS IFTAR PERDANA ERATKAN UKHUWAH ANAK KELANTAN DI SABAH

Oleh: Norzana Razaly

KOTA KINABALU, 16 Mac – Majlis Iftar Perdana ialah platform terbaik dalam mengeratkan hubungan di antara perantau Kelantan di Sabah dengan kepimpinan negeri.

Program kemasyarakatan keloaan Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan itu berperanan memperkuuh rasa kekitaan dalam kalangan komuniti Kelantan di Sabah.

Seramai 300 peserta pelbagai lapisan masyarakat Kelantan di Sabah, termasuk golongan profesional, usahawan, dan pelajar itu mencerminkan semangat kebersamaan yang utuh dalam kalangan anak Kelantan, meskipun berada jauh dari tanah air.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta, YB Mohd Asri Mat Daud, dalam ucapan alu-aluannya menyru anak perantau Kelantan agar



terus menanam semangat hubbul watan (cinta akan negeri).

Pesannya, anak-anak Kelantan di perantauan terus menyumbang idea, tenaga serta kepakaran bagi membangunkan negeri tanah tumpah darah.

“Keterlibatan anak Kelantan di perantauan mampu memberi impak besar kepada kemajuan negeri, khususnya dalam sektor ekonomi, pendidikan, dan keusahawanan,” katanya dalam Majlis Iftar Perdana Pemimpin Kelantan bersama Peran-

tau Zon Sabah pada Sabtu.

Pada sesi perasmian, Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nasuruddin Daud mengingatkan hadirin mengenai kelebihan Ramadan dan kepentingan berlumba-lumba menggandakan amalan bagi meraih ganjaran lailatul qadar.

Beliau turut menzahirkan penghargaan kepada anak Kelantan di Sabah atas kesungguhan mereka dalam mengekalkan jati diri dan hubungan erat dengan negeri asal.

Manakala Presiden Persatuan Anak Kelantan di Perantauan Malaysia (PERAKAN) Datuk Dr Wan Muhd Aminuddin Wan Hussin pula menegaskan tanggungjawab perantau untuk sentiasa menyokong pembangunan negeri selari dengan moto PERAKAN, “Sepakat Setia Sokmo.”

Beliau menyeru agar anak Kelantan di Sabah terus bersatu dan berperanan aktif dalam mengukuhkan jaringan komuniti perantauan.

TADARUS AL-QURAN PERDANA MERIAHKAN RAMADAN DI TUMPAT

Oleh: Norzana Razaly

TUMPAT, 17 Mac – Program Tadarus Al-Quran Perdana Peringkat Tumpat telah berlangsung dengan penuh penghayatan di Padang Bola Lorong SMU (A) Meheliah Geting pada Khamis lalu.

Exco Kerajaan Negeri merangkap Ahli Dewan Negeri Pengkalan Kubor, YB Dato’ Wan Roslan Wan Hamat berkata, penganjuran program tersebut bertujuan menghidupkan Ramadan dengan amalan yang baik seperti membaca al-Quran, bersedekah, bersolat malam, serta beriktitaf di masjid.

“Program anjuran Pusat Khidmat DUN Pengkalan Kubor ini bertujuan mengimarahkan bulan Ramadan dengan pelbagai aktiviti keagamaan yang memperkuuh hubungan masyarakat dengan al-Quran.

“Pengisian program sepenuhnya disusun dengan slot kerohanian dan kupasan ayat suci al-Quran bagi memperkuuhkan kecintaan umat Islam terhadap kalam Allah,” katanya.



Menurut Dato’ Wan Roslan, sesi tadabur ayat al-Quran memberi tumpuan kepada surah Hud, bermula ayat 116 hingga 120, kupasan Pegawai Agama Jajahan Bachok Ustaz Suratemi Mat Daud.

“Sesi ini memberi kefahaman mendalam tentang isi kandungan al-Quran serta pengajaran yang boleh dihayati sepanjang Ramadan,” jelasnya.

Selain itu, hadirin berpeluang

menunaikan solat tarawih yang dipimpin oleh Imam Madinah Ramadhan Syeikh Muhamad Soubhi Gomaa Alsyeikh serta mendengar kuliah selepas solat tarawih yang disampaikan oleh penceramah undangan khas Ustaz Mokhtar Yacob.

Tambahnya, program berkenaan mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada masyarakat setempat, sekali gus mencer-

minkan semangat kesatuan dalam memanfaatkan bulan penuh keberkatan ini.

“Kita berterima kasih kepada penganjur, petugas dan semua hadirin atas komitmen dan kerjasama padu. Kita juga berharap inisiatif ini dapat diteruskan pada masa akan datang bagi memperkasa penghayatan Islam dalam kalangan umat Islam khasnya di Tumpat,” ujarnya ketika dihubungi, hari ini.

U-BES PERKENALKAN DASAR ANAK MUDA KELANTAN KEPADA 1,600 PELAJAR DI 16 SEKOLAH YIK

Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 19 Mac – Kerajaan Negeri Kelantan terus memperkuuh agenda pembangunan belia dengan memperkenalkan Dasar Anak Muda Kelantan (DAMAK) kepada 1,600 pelajar tingkatan enam Yayasan Islam Kelantan (YIK) melalui program serentak di 16 buah sekolah terpilih di seluruh Kelantan.

Program anjuran Urus Setia Belia dan Sukan (U-BeS) itu mendapat kerjasama Yayasan Islam Kelantan (YIK) dan Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN) itu memfokus pengenalan Dasar Anak Muda Kelantan (DAMAK).

Menurut Pengarah U-BeS Mohamad Kamal Mohamad, program yang berlangsung dari 12 Mac hingga 19 Mac tersebut bertujuan memberikan pendedahan kepada pelajar prauniversiti mengenai lima tonggak utama DAMAK dalam aspek pembangunan modal insan, ekonomi, sukan, kepimpinan, dan teknologi.

“DAMAK dirangka sebagai satu strategi menyeluruh untuk memperkasakan golongan muda Kelantan melalui pendidikan, ekonomi, gaya hidup sihat, kepimpinan, dan



inovasi digital.

“Kita berharap pendedahan ini dapat memberi inspirasi kepada pelajar untuk memanfaatkan pelbagai peluang yang ditawarkan kerajaan negeri,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Beliau turut menekankan Lima Tonggak Utama DAMAK iaitu pertama, Pembangunan Modal Insan yang memfokus pendidikan, latihan kemahiran dan nilai kepimpinan melalui program Genera, Anak Muda Tamu Ramadan, Hari Anak Muda Kelantan, TVET Kejurulatihan Negara.

Kedua, Keusahawanan dan Ekonomi yang membantu belia meneroka peluang dalam perniagaan dan sektor ekonomi digital melalui Program Penempatan Industri.

Ketiga, Sukan, Rekreasi dan

Gaya Hidup Sihat yang menggalakkan penglibatan belia dalam aktiviti sukan dan Rekreasi seperti Kejohanan Bola Sepak Piala Menteri Besar, Liga Elit DUN, Kejohanan Sepak Takraw Piala TMB, Kejohanan Memanah Sanggora, Kejohanan Badminton Piala Exco Belia.

Seterusnya, Kepimpinan dan Kesukarelawanan yang mempromosi budaya kepimpinan dan aktiviti sukarelawan contohnya, K-Lead dan Pusat Belia.

Terakhir, Teknologi dan Digitalisasi yang mempersiap belia dengan kemahiran teknologi Revolusi Industri 4.0 berfokus kepada pendigitalan dalam sektor pendidikan dan perniagaan.

Mohamad Kamal turut memaklumkan bahawa tiga lagi sekolah di

Jeli dan Gua Musang akan menyusul selepas Aidilfitri, memastikan semua pelajar tingkatan enam dibawah YIK mendapat manfaat daripada dasar berkenaan.

Menurutnya, program itu mendapat sambutan yang amat positif daripada para pelajar, yang melihatnya sebagai satu langkah proaktif kerajaan negeri dalam menyediakan ruang dan peluang bagi mereka lebih bersedia menghadapi cabaran masa depan.

“U-BeS dan rakan pengajur berharap program ini dapat menjadi landasan penting dalam usaha memperkasakan belia Kelantan agar mereka terus maju sebagai pemimpin, usahawan dan tenaga kerja berkemahiran tinggi demi masa depan negeri dan negara,” ujarnya.

KEPIMPINAN CEKAP, BERINTEGRITI ASAS KESEJAHTERAAN RAKYAT – MB KELANTAN

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 17 Mac – Kepimpinan yang cekap dan berintegriti adalah kunci utama dalam menjamin kesejahteraan rakyat.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd. Nassuruddin Daud menggaskan hal demikian menerusi Bingkisan Ramadan Juz 13 pada Jumaat.

Beliau menyeru masyarakat meneladani kisah Nabi Yusuf A.S. yang diberi kepercayaan sebagai Bendahara Mesir.

Katanya, dengan perancangan teliti dan pelaksanaan yang bersungguh-sungguh, baginda berjaya mengurus sumber negara khususnya dalam menghadapi kemarau.

Memetik Surah Yusuf, ayat 55, beliau menekankan bahawa Allah

SWT menggariskan dua sifat utama yang perlu dimiliki oleh seorang pemimpin.

Pertama, menjaga amanah (hafiz) yakni mampu memeliha tanggungjawab dengan baik. Manakala kedua, berpengetahuan (alim) iaitu mempunyai kepakaran serta kefahaman dalam bidang yang diamanahkan.

“Kedua-dua sifat ini menjadi asas kepada pengurusan yang cekap. Pemimpin yang berintegriti dan berilmu akan mampu membuat keputusan tepat, merancang strategi berkesan, serta memastikan kesejahteraan rakyat terpelihara,” jelasnya.

Tambahnya, untuk mencapai pentadbiran yang berkualiti, seseorang pemimpin harus melengkapkan diri dengan sifat hafiz dan alim yang membawa perubahan positif dalam organisasi serta masyarakat.



KEBERKATAN

MAHASISWA UNISZA DIDEKAH TEKNIK PEMPROSESAN MAKANAN TERNAKAN

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 19 Mac

— Lawatan sambil belajar mahasiswa Fakulti Biosumber dan Industri Makanan, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) ke sebuah kilang pemprosesan makanan ternakan di Selising membuka peluang kepada mereka untuk memahami secara langsung proses penghasilan makanan ternakan berkualiti.

Menurut Exco Pertanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi Kelantan YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail, lawatan tersebut berlangsung pada Ahad memberi pendedahan komprehensif kepada mahasiswa, bermula daripada pemilihan bahan mentah sehingga formulasi makanan ternakan yang memenuhi piawaian kualiti.

“Program ini adalah platform terbaik untuk mahasiswa mendalami aspek teknikal industri pemprosesan makanan ternakan.

Exco Pertanian, Industri Agro



Makanan dan Komoditi Kelantan, YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail

“Ia selaras dengan usaha Kerajaan Negeri Kelantan dalam memperkasa sektor penternakan, khususnya dalam meningkatkan keberdayaan penternak kecil melalui penggunaan teknologi pemakanan yang lebih efisien,” katanya menurusi hantaran di sosial media pada Isnin.

Dalam lawatan itu, Dato' Tuan Mohd Saripudin turut berkongsi perkembangan sektor ternakan

ruminan di Kelantan, termasuk inisiatif kerajaan negeri dalam memperkuuh industri ini melalui skim bantuan, pembangunan tanah terbiar serta sokongan kepada usahawan tani.

“Dengan permintaan yang semakin meningkat terhadap haiwan ternakan, tumpuan turut diberikan kepada peningkatan pengeluaran baka berkualiti, pengurusan ladang moden, serta pemantapan sistem pemasaran agar penternak mendapat pulangan yang lebih kukuh dan stabil,” jelasnya.

Tambahnya, lawatan tersebut turut membuka mata mahasiswa terhadap cabaran industri penterakan seperti isu keterjaminan makanan ternakan, ketidakstabilan harga bahan mentah serta keperluan penyelidikan dalam pemakanan haiwan bagi meningkatkan kadar tumbesaran dan produktiviti ternakan.

“Diharapkan segala perkongsian ini dapat memberi semangat kepada golongan muda untuk menceburti bidang penternakan secara profesional dan berdaya saing,” ujarnya.

150 ASNAF TERIMA SUMBANGAN YAYASAN TM DALAM PROGRAM CAHAYA RAMADAN



Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 16 Mac — Sera-mai 150 asnaf dari sekitar Tunjong menerima sumbangan daripada Yayasan Telekom Malaysia (TM) menerusi program Cahaya Ramadhan TM 2025.

Sumbangan tersebut disampaikan oleh Exco Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan dan Keusahawanan, YB Mejar (B) Dato' Md Anizam Abdul Rahman sebagai tanda keprihatinan korporat terhadap golongan yang memerlukan, khususnya dalam menyambut Ramadhan dan Syawal

yang bakal tiba.

Menurut Dato' Md Anizam, Islam bukan sekadar mengatur aspek ibadah tetapi turut menekankan prinsip keadilan, kejujuran dan tanggungjawab sosial dalam perniagaan.

“Perniagaan dalam Islam bukan sekadar aktiviti ekonomi, tetapi juga satu bentuk ibadah. Prinsip seperti keadilan, kejujuran dan sedekah perlu diterapkan oleh peniaga Muslim agar mendapat keberkatan Allah SWT.

Exco Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan dan Keusahawanan, YB Mejar (B)

Dato' Md Anizam Abdul Rahman

Inilah yang ditunjukkan oleh Telekom Malaysia pada hari ini,” katanya ketika berucap dalam majlis di sebuah pasar raya, di sini, hari ini.

Beliau turut mengingatkan para penerima agar sentiasa mendoakan kesejahteraan para penyumbang agar mereka terus dimurahkan rezeki dan dapat meneruskan usaha kebajikan pada masa akan datang.

“Rezeki itu datang daripada Allah dan hari ini, ia sampai kepada para asnaf melalui Telekom Malaysia. Saya berharap lebih banyak syarikat tampil melaksanakan

tanggungjawab sosial bagi membantu mereka yang memerlukan, khususnya dalam bulan Ramadan ini,” ujarnya kepada media selepas program berkenaan.

Sementara itu, Pengurus Besar TM Wilayah Timur, Hairul Anwar Ismail, dalam ucapan alu-aluananya berkata, program Cahaya Ramadan TM merupakan sebahagian daripada inisiatif Yayasan TM dalam usaha menyantuni masyarakat yang memerlukan.

“Program ini bukan sekadar bantuan, tetapi juga bukti keprihatinan TM terhadap kesejahteraan masyarakat, khususnya golongan asnaf yang memerlukan sokongan,” katanya.

Dalam program tersebut, setiap penerima menerima sumbangan berupa wang tunai serta barang keperluan asas bagi membantu mereka menjalani ibadah puasa dengan lebih tenang.

Turut hadir, Ketua Penolong Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan Azman Mat Zin.

MADINAH RAMADAN: EVOLUSI SYIAR ISLAM DI KOTA BHARU



Oleh: Wan Sharafi Wan Mustafa dan Norzana Razaly

Ketika senja memayungi langit Kota Bharu, suasana Ramadan yang penuh keberkatan mulai terasa di Dataran Warisan Stadium Sultan Muhammad IV. Para pekerja gigih menyiapkan khemah-khemah besar, manakala di Medan Ilmu, tabung derma mula digerakkan.

Para sukarelawan dan petugas berusaha melengkapkan persiapan terakhir. Orang ramai beransur-ansur berhimpun, menanti waktu berbuka dengan penuh keterujaan.

Tatkala azan Maghrib berkumandang, suasana menjadi syahdu. Selepas menuaikan solat, para jemaah melangkah keluar dari ruang solat dengan nasi bungkus di tangan, terpancar ketenangan di wajah mereka.

Alunan bacaan al-Quran yang merdu mengiringi solat Tarawih, menyemarakkan jiwa meskipun berdiri lama dalam ibadah. Pada penghujung malam, mereka pulang dengan hati penuh kegembiraan, membawa keberkatan Ramadan dalam sanubari. Inilah landskap harian di Madinah Ramadan, simbol keunikan Ramadan yang telah menjadi identiti Kota Bharu, Kelantan.



Dasar Membangun Bersama Islam: Teras Perkembangan Madinah Ramadan

Almarhum Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat, sejak awal pentadbirannya sebagai Menteri Besar Kelantan pada tahun 1990, menzhirkan keikhlasan dan tawaduk dalam membangunkan negeri berlandaskan syariat Islam. Beliau menjadikan pentadbiran negeri sebagai medan pengabdian kepada Allah SWT dan memperkenalkan konsep ubudiah secara menyeluruh, menegaskan bahawa setiap pekerjaan boleh menjadi ibadah sekiranya dilaksanakan dengan ikhlas dan menurut tuntutan syarak.

Ilham untuk program ini tercetus ketika beliau berada di Sudan. Dalam satu peristiwa, beliau melihat seorang lelaki tua menuaikan solat di tengah kebun dan terinspirasi untuk membawa budaya tersebut ke Kelantan. Maka, dasar "Membangun Bersama Islam" yang diperkenalkan oleh beliau ini diterjemahkan sebagai kerja-kerja ikhlas para pendukung. Al-Fadhil Ustaz Wan Hasan bin Wan Osman bersama ahli majlis lain memainkan peranan penting dalam memperkuuhkan syiar Islam di Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB).



Kronologi Perkembangan Madinah Ramadan

1991: Permulaan Inisiatif Berbuka Puasa

Pada tahun 1991, sebelum nama Madinah Ramadan diperkenalkan, sebuah inisiatif kecil bermula di Stesen Bas Kota Bharu. Ustaz Wan Hasan bin Wan Osman dan pasukan Unit Pembangunan Islam MPKB mengambil langkah menyediakan makanan ringan seperti kurma dan air untuk berbuka puasa bagi orang ramai yang terkandas atau dalam perjalanan.

Selain itu, tikar solat turut disediakan bagi memudahkan mereka menuaikan solat Maghrib. Inisiatif ini bertujuan memastikan orang ramai tidak terlepas berbuka puasa dan dapat beribadah dengan lebih selesa walaupun berada di tempat awam.



1991-1993: Langkah Berterusan Secara Sederhana

Sepanjang tempoh ini, penyediaan kemudahan berbuka puasa dan solat di stesen bas Kota Bharu diteruskan dengan pendekatan sederhana tetapi konsisten. Walaupun skala usaha ini kecil, ia menjadi asas kepada pelaksanaan program yang lebih tersusun pada tahun-tahun berikutnya.

1994: Khemah Berbuka Puasa Pertama

Pada tahun 1994, Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Islam MPKB memutuskan untuk memperkuuhkan program berbuka puasa dengan mendirikan khemah berukuran 8' x 6' yang mampu menampung 15 hingga 20 orang pada satu masa.

Khemah ini ditempatkan di Dataran MPKB, berhampiran Stesen Bas Kota Bharu dan Pasar Malam Parit Dalam, bagi memudahkan masyarakat berbuka puasa dan menuaikan solat Maghrib dalam suasana lebih selesa. Inisiatif ini membuka lembaran baharu dalam perkembangan Madinah Ramadan.

K E B E R K A T A N



1994-2007: Era Imam Tempatan

Sepanjang tempoh ini, program Ihya' Ramadan menggunakan khidmat imam-imam tempatan bagi memimpin solat Tarawih, antaranya Ustaz Hanafizi Al-Hafiz, Almarhum Ustaz Hasan Al-Hafiz, Ustaz Muhammin Syed Ali Abderrahman (Mesir)

1994-1995: Penerimaan Masyarakat

Dari sebuah inisiatif kecil, penyediaan khemah solat dan berbuka puasa mula mendapat sambutan menggalakkan. Para pengunjung pusat bandar semakin terbiasa dengan kemudahan ini, menjadikannya sebagai satu kemudahan yang amat dihargai.

Suasana Ramadan di Kota Bharu berubah dengan kewujudan khemah ini yang bukan sahaja berfungsi sebagai tempat berbuka puasa tetapi juga menjadi pusat ibadah. Bagi masyarakat setempat, ia menjadi "oasis spiritual" di tengah kesibukan bandar.



1995-2004: Ihya' Ramadan - Memperkasa Syiar Islam

Frasa "Ihya' Ramadan" diperkenalkan bagi menggambarkan usaha menyemarakkan Ramadan dengan aktiviti bermanfaat. MPKB meningkatkan kapasiti khemah bagi menampung 500 hingga 800 jemaah, seiring dengan sambutan baik masyarakat.

Selain solat berjemaah, khemah ini turut menjadi pusat pengajian agama dengan tazkirah, ceramah ilmiah, dan peringatan sejarah Islam seperti peperangan Badar dan peristiwa Nuzul al-Quran. Tabung Ihya' Ramadan turut

dilancarkan untuk membolehkan masyarakat menyumbang kepada kesinambungan program ini.

YAB Menteri Besar, Almarhum Tuan Guru Nik Abdul Aziz bin Nik Mat, turut merasmikan program ini serta menyampaikan tazkirah utama, menambah nilai keberkatan kepada acara tersebut.



2005: Perpindahan ke Dataran Stadium Sultan Muhammad IV

Tahun 2005 menjadi titik perubahan apabila khemah utama dipindahkan ke Dataran Stadium Sultan Muhammad IV. Perpindahan ini dilakukan berikutan pembinaan Kelantan Trade Centre di tapak asal, iaitu di Dataran MPKB.

Perubahan lokasi ini memberikan lebih ruang kepada masyarakat untuk beribadah dalam suasana yang lebih luas dan selesa. Dengan perpindahan ini, Madinah Ramadan berkembang menjadi acara tahunan yang lebih tersusun dan berprestij.

Kesimpulannya, dari sebuah inisiatif kecil di Stesen Bas Kota Bharu, Madinah Ramadan berkembang menjadi program berimpak tinggi yang menyemarakkan syiar Islam di Kota Bharu. Ia bukan sahaja menjadi tempat berbuka puasa dan solat berjemaah, tetapi juga pusat penyebaran ilmu serta medan pembangunan spiritual masyarakat.

Dengan sokongan berterusan daripada kerajaan negeri dan sambutan hangat masyarakat, Madinah Ramadan terus menjadi ikon keberkatan Ramadan di Kelantan, menghidupkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian serta memupuk semangat kebersamaan dalam beribadah.





ISSN 1311-6891 | RAMADAN 1446H | 16-20 MAC 2025

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

PKB, PUSAT PERUBATAN AN-NISA' SANTUNI ASNAF MELALUI MAIDATUL RAHMAN

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 18 Mac – Seramai 37 asnaf dari sekitar Kota Bharu menerima sumbangan tunai RM200 dan bakul makanan bernilai RM100 dalam program Maidatul Rahman Ramadan 1446H anjuran Permodalan Kelantan Berhad (PKB) dan Pusat Perubatan An-Nisa'.

Kedua-duanya, syarikat milik Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK).

Pengerusi PKB, YB Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Ahmad Yakob menekankan kepentingan menghayati dan mengamalkan ajaran al-Quran sebagai panduan hidup sepanjang Ramadan.

“Dalam bulan yang penuh keberkatan ini, manfaatkanlah ‘maidah’ atau hidangan daripada Allah, iaitu al-Quran. Al-Quran adalah petunjuk terbaik bagi manusia, mencakup-



pi aspek muamalat, munakahat, syariah, akhlak, tasawuf hingga urusan pentadbiran dunia,” katanya ketika menyampaikan sumbangan tersebut di perkarangan Pusat Perubatan An-Nisa’, pada Isnin.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif PKINK Dato' Sr. Zamri Ismail memaklumkan bahawa program tersebut adalah sebahagian daripada usaha PKB dan Pusat Perubatan An-Nisa’ untuk berkongsi rezki dengan golongan memerlukan.

“PKB memainkan peranan penting dalam menawarkan perkhidmatan gadaian Islam melalui Ar-Rahn, yang telah terbukti menjadi sistem kewangan lestari dalam membantu masyarakat.

“Sehingga kini, PKB mengendalikan 100 cawangan Ar-Rahn di seluruh Malaysia, termasuk 65 cawangan francis bersama koperasi dan pihak berkepentingan lain,” jelasnya.

Menurutnya lagi, Pusat Perubatan An-Nisa’ menerima sumbangan

katil pembedahan (OT) daripada Infra Quest Sdn. Bhd. (IQSB), yang diharapkan dapat meningkatkan kemudahan rawatan serta memberikan motivasi kepada petugas kesihatan.

Turut hadir, Pengerusi Pusat Perubatan An-Nisa’ YB Dato’ Mumtaz Md Nawi, Ahli Lembaga Pengarah syarikat anak PKINK, Pengurus Besar PKB Hassan Shukri Hussein, dan Pengurus Besar Pusat Perubatan An-Nisa’ Nur-sabati Pauzi.

MANTAN MB KELANTAN TERIMA ANUGERAH TOKOH ALUMNI AL-AZHAR MALAYSIA 2025



Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 17 Mac – Mantan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Ahmad Yakob menerima Anugerah Perdana Tokoh Alumni Al-Azhar Malaysia 2025 dalam satu majlis berprestij anjuran Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Malaysia (WOAG Malaysia) bersempena Sambutan Hari Al-Azhar Sedunia.

Anugerah tersebut disampaikan oleh Duta Besar Republik Arab Mesir ke Malaysia, T.Y.T Ragai

Tawfiq Said Nasr di Dewan Serbaguna, Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, pada Sabtu.

Mengulas penghormatan tersebut, Dato' Ahmad menzahirkan kesyukuran dan penghargaan atas penganugerahan yang diterima.

“Saya mengucapkan terima kasih dan sangat menghargai penganugerahan ini. Anugerah ini bukan sekadar penghormatan peribadi, tetapi juga satu tanggungjawab besar untuk meneruskan legasi keilmuan dan kepimpinan Islam yang diperjuangkan oleh Al-Azhar al-Sharif,” katanya dalam ucapan di majlis berkenaan yang turut dikongsikan di laman media sosialnya pada Ahad.

Sambutan Hari Al-Azhar Sedunia diadakan sebagai memperingati sejarah Universiti Al-Azhar, sebuah institusi keilmuan Islam yang telah bertahan lebih 1,084

tahun serta memainkan peranan penting dalam membentuk ilmuwan Islam di seluruh dunia.

Program tersebut turut menghimpunkan para ilmuwan, tokoh akademik dan pelajar dari pelbagai bidang bagi memperkuuh hubungan serta membincangkan cabaran dan masa depan pendidikan Islam.

Penganugerahan berkenaan mengiktiraf sumbangan besar Dato' Ahmad dalam bidang keilmuan Islam, dakwah dan kepimpinan masyarakat.

Berpengalaman luas dalam pentadbiran negeri dan dakwah Islam, beliau terus memainkan peranan dalam memperjuangkan nilai-nilai Islam dalam sistem politik negara.

Sementara itu, Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nas-

suruddin Daud turut menzahirkan ucapan tahniah kepada Dato' Ahmad atas pengiktirafan tersebut.

“Penganugerahan ini merupakan satu penghormatan besar atas jasa dan pengorbanan beliau dalam memperjuangkan ilmu, dakwah serta kepimpinan berteraskan Islam. Semoga beliau sentiasa diberkati oleh Allah SWT dan menjadi inspirasi kepada generasi akan datang,” katanya menerusi hantaran di media sosial pada Ahad.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud yang juga alumni Al-Azhar, menyifatkan penganugerahan tersebut sebagai satu pengiktirafan besar kepada lepasan Al-Azhar yang telah memimpin negeri dengan pencapaian terbaik serta melahirkan pemimpin pelapis yang meneruskan kepimpinan ulama.